



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

RANG UNDANG-UNDANG PROFESION KERJA SOSIAL 2026 DILULUSKAN DI DEWAN RAKYAT

PUTRAJAYA, 15 JULAI 2026 – Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial 2026 (RUU PKS) telah diluluskan di Dewan Rakyat semalam. Kelulusan ini merupakan satu detik bersejarah dalam usaha Kerajaan MADANI memperkukuh sistem kesejahteraan sosial negara melalui pengiktirafan dan pengawalseliaan profesion kerja sosial secara lebih profesional, beretika dan berakauntabiliti.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri berkata, kelulusan RUU ini merupakan hasil komitmen berterusan KPWK M bersama-sama pemegang taruh sejak lebih sedekad lalu dalam membangunkan satu kerangka perundangan yang komprehensif bagi memperkasa profesion kerja sosial di Malaysia.

Sepanjang tempoh tersebut, pelbagai siri libat urus telah dilaksanakan bersama kementerian, agensi kerajaan, kerajaan negeri, badan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi, pengamal kerja sosial serta pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan RUU ini memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan negara.

YB Menteri turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kesemua 23 Ahli Dewan Rakyat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bacaan Kali Kedua RUU Profesion Kerja Sosial 2026. Pandangan, cadangan dan kupasan yang konstruktif mencerminkan komitmen dwipartisan dalam memperkukuh profesion kerja sosial demi kepentingan rakyat. KPWK M akan meneliti setiap syor yang dikemukakan sebagai sebahagian daripada usaha menambah baik pelaksanaan akta ini pada masa hadapan.

Beliau berkata, keperluan mewujudkan undang-undang khusus bagi mengawal selia profesion kerja sosial menjadi semakin mendesak berikutan landskap sosial negara yang semakin kompleks. Perubahan demografi, peningkatan populasi warga emas, urbanisasi, kos sara hidup serta pelbagai cabaran sosial baharu memerlukan penyampaian perkhidmatan sosial yang lebih berkualiti, profesional dan berkesan.

RUU Profesion Kerja Sosial 2026 akan mewujudkan satu mekanisme perundangan yang jelas bagi mengawal selia profesion kerja sosial melalui penubuhan Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia. Majlis ini akan berperanan mengeluarkan perakuan amalan kepada pengamal kerja sosial yang memenuhi syarat, membangunkan standard kompetensi profesional, mengawal selia etika dan tatatertib profesion serta memperkukuh promosi dan advokasi berkaitan profesion kerja sosial.

Penubuhan majlis ini juga membolehkan orang ramai mengesahkan kelayakan pengamal kerja sosial yang berdaftar sebelum mendapatkan perkhidmatan, sekali gus meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap sistem penyampaian perkhidmatan sosial negara.

Selain memperkukuh perlindungan kepada rakyat, RUU ini turut membuka lembaran baharu kepada pembangunan profesion kerja sosial sebagai satu kerjaya yang diiktiraf, berprestij dan mempunyai standard kompetensi yang jelas.

Langkah ini dijangka merancakkan pembangunan modal insan dalam bidang kerja sosial, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, menggalakkan penyertaan graduan serta memperkukuh kerjasama strategik antara sektor awam, sektor swasta dan badan bukan kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan sosial kepada masyarakat.

Menurut YB Menteri, penggubalan RUU ini bukan sekadar memperkenalkan satu undang-undang baharu, malah merupakan reformasi institusi yang akan mengangkat martabat profesion kerja sosial setanding dengan profesion profesional lain di negara ini. Pada masa yang sama, ia akan memastikan rakyat menerima perkhidmatan daripada pengamal yang kompeten, beretika dan memenuhi piawaian profesional yang ditetapkan.

"Kelulusan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial 2026 ini merupakan satu langkah besar ke arah membina sistem kesejahteraan sosial yang lebih kukuh, profesional dan mampan. Ia bukan sahaja memberikan pengiktirafan sewajarnya kepada profesion kerja sosial, malah memperkukuh perlindungan kepada rakyat yang memerlukan bantuan," kata YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri.

KPWKM yakin penggubalan RUU Profesion Kerja Sosial 2026 akan menjadi pemangkin kepada pembentukan ekosistem kerja sosial yang lebih tersusun, diyakini dan mampan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang meletakkan nilai kemanusiaan, ihsan dan kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan dalam pembangunan negara. KPWKM amat menghargai semua pihak yang terlibat dan mengambil bahagian dalam RUU PKS yang dibentangkan di Dewan Rakyat.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
15 JULAI 2026**